

Usul sokong kepemimpinan Pak Lah akan dibentang

PETALING JAYA: Usul sokongan tidak berbelah bagi oleh semua 191 bahagian Umno kepada Presiden parti, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan mahu beliau terus menerajui kerajaan akan dibentangkan pada Perhimpunan Agung Umno Ke-57 pertengahan bulan ini.

Pengerusi Jawatankuasa Usul Perhimpunan Agung Umno, Tan Sri Muhyiddin Yassin, usul berkenaan yang sudah diteliti pada peringkat akhir, mendapat sokongan semua bahagian.

Katanya, ahli dan pemimpin Umno semua bahagian mahu kepemimpinan parti dart kerajaan kukuh bagi memastikan usaha menjayakan misi nasional dalam Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK-9) tercapai.

"Semuanya (bahagian Umno) mahu ahli Umno bersatu teguh di belakang kepemimpinan Presiden dalam menghadapi kritikan bekas Presiden (Tun Dr Mahathir Mohamad)," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada majlis sambutan Aidilfitri Golf Kebajikan TSM (Tan Sri

Muhyiddin) di KL Golf & Country Club, Damansara, di sini, semalam.

Muhyiddin adalah penaung organisasi berkenaan. Ia akan menganjurkan Cabaran Golf TSM di Kelab Golf Seri Selangor selama tiga hari, mulai 23 November ini.

Beliau yang juga Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani berkata rangka kasar usul politik, ekonomi, pendidikan, agama dan sosial yang bakal dibahaskan pada perhimpunan berkenaan akan dibincangkan pada mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno, Khamis ini.

Pada 21 Oktober lalu, Dr Mahathir mengadakan pertemuan dengan Abdullah. Bagaimanapun, tidak sampai 24 jam selepas itu, Dr Mahathir pada sidang media di kediamannya di Seri Kembangan, dekat sini, meneruskan kritikan terhadap Abdullah tanpa memberikan peluang kepada Perdana Menteri masa menjawabnya.

Abdullah kemudian dilaporkan berkata, beliau sedih dan kecewa dengan tindakan Dr Mahathir itu yang dianggap serangan berbisa.

Sementara itu, Muhyiddin berkata, Kerajaan Pusat meminta Kerajaan

Kelantan, Terengganu, Pahang, Kedah dan Negeri Sembilan menyerahkan 3,000 hektar tanah kepada Kerajaan Pusat untuk dimajukan sebagai kawasan penternakan lembu.

Permintaan itu dibuat pada mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri dengan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak di Putrajaya semalam,

Beliau berkata, tanah itu bagi membolehkan Perbendaharaan Negara menyalurkan peruntukan untuk memajukan infrastruktur di kawasan berkenaan.